

INTERAKSI AL-QURAN TENTANG KONSEP GENDER (Al-Quran Interaction on Gender Concept)

Nur Azwani Mansor^{1,*} and Noor Hisham Md Nawi²

¹Jabatan Pengajian Islam, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Jalan Kuala Krai, 15730, Kelantan, Malaysia

²Fakulti Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci 01, 16300 Bachok, Kelantan Darul Naim, Malaysia

ABSTRACT – Islam is a way of life that demands its people to be the caliph of Allah on earth by playing a role according to gender comprehensively and complementing each other. The concept of gender originating from Western civilization is still unclear and vague according to Arab civilization and it requires a clear understanding to be applied. This is because this term is still new and needs to be studied according to the Islamic perspective in order to understand the concept. God has created man and woman in the form of the best creation and most honorable beings. Thus the Qur'an has mentioned the concept of gender indirectly by telling about equality and justice between men and women by not discriminating against each other except based on biological nature. The design of this study is qualitative in which the author analyzes the content using synthesis that is inductive-deductive methods to understand the concept of gender from Quranic perspective. The Qur'an has also described the nature, role, responsibilities and characteristics of gender through various terms in detail so that each term is explained the different role even if it carries the same gender meaning. Among them are some terms related to gender such as the terms al-rijal, az-zauj, adz-dzakar and al-mar'u or al-imru'u which are described as men, sons, husbands, leaders, leaders and even the prophets. Terms to describe women, daughters and wives including the wife of the Prophet are called an-nisa', al-untsa and imra'atun. These terms describe gender categories but indirectly describe the role based on sex in the concept of gender.

ABSTRAK – Islam adalah cara hidup yang menuntut umatnya menjadi khalifah Allah di muka bumi dengan berperanan mengikut jantina secara komprehensif dan melengkapinya antara satu sama lain. Konsep gender yang berasal dari peradaban Barat masih lagi tidak jelas dan kabur menurut peradaban Arab dan memerlukan pemahaman yang jelas untuk diaplikasikan. Ini kerana istilah ini masih baru dan perlu di teliti dan dikaji menurut perspektif Islam bagi memahami konsepnya menurut kaca mata Islam. Allah telah menciptakan lelaki dan perempuan dalam bentuk penciptaan makhluk yang terbaik dan paling terhormat. Oleh yang demikian al-Quran telah menyebut tentang konsep gender secara tidak langsung dengan menceritakan tentang kesetaraan dan keadilan antara lelaki dan perempuan dengan tidak membezakan antara satu sama lain kecuali berdasarkan sifat biologi. Rekabentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menganalisis kandungan menggunakan kaedah sintesis iaitu induktif-deduktif bagi memahami konsep gender menurut perspektif Al-Quran. Al-Quran juga telah menggambarkan sifat, peranan, tanggungjawab dan ciri-ciri jantina melalui pelbagai istilah dengan lebih terperinci sehinggakan setiap istilah itu dijelaskan mempunyai peranan yang berbeza walaupun membawa bermaksud jantina yang sama. Antaranya ialah istilah-istilah yang berkaitan dengan gender seperti al-rijal, az-zauj, adz-dzakar dan al-mar'u atau al-imru'u yang digambarkan sebagai lelaki, anak lelaki, suami, ketua, pemimpin dan juga para nabi. Istilah bagi menggambarkan perempuan, anak perempuan dan isteri termasuklah isteri nabi disebut an-nisa', al-untsa dan imra'atun. Istilah-istilah ini adalah menjelaskan kategori jantina tetapi secara tidak langsung menggambarkan peranan berdasarkan jantina dalam konsep gender.

ARTICLE HISTORY

Received: 3 Nov 2020

Revised: 14 Nov 2020

Accepted: 11 Dec 2020

KEYWORDS

Terms of gender

Al-Quran

Role of gender

Man

Woman

PENDAHULUAN

Manusia berkembang biak daripada Nabi Adam a.s dan isterinya Hawa yang kemudiannya tersebar ke seluruh dunia dengan pelbagai jenis, bahasa, sifat, dan warna kulit. Manusia diciptakan berpasangan agar dapat berkasih sayang dan saling mengasihi antara satu sama lain. Penciptaan lelaki dan perempuan adalah untuk menunjukkan kebesaran, kekuasaan dan keindahan ciptaan Allah. Walaupun asal kejadian manusia dan tugas sebagai khalifah di muka bumi adalah sama, akan tetapi terdapat perbezaan ciri dan fungsi masing-masing berdasarkan sistem tubuh badan dan biologi. Namun

perbezaan tersebut menjadikan lelaki dan perempuan saling melengkapi kerana peranan dan tanggungjawab adalah berdasarkan fitrah penciptaan manusia yang mengikut jantina.

Istilah gender adalah berasal dari bahasa Latin *gener* yang bermaksud *race* atau *kind*. Bahasa Perancis mengambil perkataan ini dari bahasa Latin dan menggunakan perkataan *gendre* *genre* yang membawa maksud *kind*, *genus* dan *style* (Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman, 2001). Istilah ini diperkenalkan oleh Robert Stroller pada tahun 1968 dan kemudian dikembangkan oleh Ann Oakley pada tahun 1972 (Riant Nugroho, 2005). Kemudian istilah gender ini digunakan dalam bahasa Inggeris terutama dalam bidang psikoanalisis yang membawa maksud jenis kelamin atau jantina (Skeat, 1993). Pada tahun 2005, perkataan gender dibawa masuk dalam daftar leksikon oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Secara literalnya gender dalam Bahasa Melayu membawa maksud jantina ataupun klasifikasi seksual (Noresah Baharom, 2005).

Konsep atau istilah gender yang berasal dari peradaban Barat ini masih lagi baru dan kurang jelas dalam perspektif Islam. Ini kerana para intelek Arab masih lagi tidak menerima istilah ini sepenuhnya walaupun terdapat juga usaha untuk menggunakan perkataan Inggeris iaitu gender ditukarkan kepada jindar. Menurut Munir al-Ba'albaki' (1999), Umaymah Abu Bakr dan Shirin Shukri (2004), penggunaan istilah ini dalam bahasa Arab adalah seerti dengan perkataan *al-jins* dan *al-naw'* ataupun *al-naw' al-ijtimāi*. Namun, *an-naw' al-ijtimāi* telah diterima sebagai yang paling hampir dengan istilah gender berbanding *al-jins*.

Mansour Faqih (1996 & 2007), mendefinisikan gender sebagai perbezaan jantina yang tidak disebabkan oleh ciptaan Tuhan sejak azali lagi ataupun perbezaan biologi, tetapi ianya terbina menjadi lelaki dan perempuan melalui proses sosio budaya yang agak lama. Gender ialah sifat atau ciri yang terdapat pada lelaki dan perempuan yang dipelajari secara sosial dan juga melalui budaya. Sebagai contoh, perempuan dikenali dengan sifat lemah lembut, cantik, emosional dan keibuan. Manakala lelaki dianggap kuat, rasional, sifat kejantanan dan gagah perkasa. Walaubagaimanapun ciri-ciri atau sifat tersebut boleh bertukar menjadi sebaliknya. Maka gender adalah sifat yang boleh berubah atau bertukar mengikut keadaan atau masa tertentu.

Gender ialah keyakinan dan pandangan tentang bagaimana seseorang individu itu seharusnya berperanan, bertingklahaku dan berfikir sebagai seorang perempuan atau lelaki. Ianya dibentuk oleh masyarakat, adat, budaya dan sosial, akan tetapi ianya belum tentu benar (Maslamah & Suprpti Muzani, 2014). Oleh yang demikian konsep gender yang sebenar perlu diamati dan dihayati mengikut ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Quran yang merupakan dan sumber utama ajaran Islam. Di dalamnya terkandung nilai-nilai universal seperti keadilan, kemanusiaan, kesetaraan, kepimpinan dan lain-lain yang menjadi petunjuk kepada semua umat manusia.

KONSEP GENDER MENURUT AL-QURAN

Firman Allah dalam surah an-Nisā ayat 1:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ وَجْهِهَا وَوَجَّهًا وَبَتَّ مِنْهُمَا رَجُلًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

Terjemahan: “Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai”.

Menurut Syahril Jamil (2013), ayat ini menjelaskan bahawa manusia berasal dari diri yang satu *وَجِدَةٍ نَفْسٍ* “*nafs wahidah*” dan *زوجها* “*zawjahā*”. Jika dilihat secara tersurat, kata pertama merujuk kepada Adam (laki-laki) dan kata kedua ialah Hawa (perempuan) yang mana keduanya mengembang biak umat manusia. Timbulnya persoalan dan kontroversi ialah ayat *وخلق منها زوجها* “*wa kholaqa minhā zawjahāwa*” yang memberi pemahaman bahawa penciptaan Hawa adakah dari tanah seperti Adam atau dari tulang rusuk Adam berdasarkan kata *منها* “*minhā*”. Oleh itu wujud perbezaan pandangan antara para ahli tafsir klasik dengan para pemikir muslim kontemporari seperti Rasyid Ridla, Muhammad Abduh, Fatima Mernissi, Mahmud Syaltut, Riffaat Hassan, dan Amina Wadud Muhsin.

Walaubagaimanapun mufassir kontemporari menolak pendapat di atas. Antaranya ialah Muhammad Abduh yang mentafsirkan perkataan *nafs* adalah jenis. Oleh itu, manusia iaitu Adam dan Hawa diciptakan dari satu potensi yang sama “*min nafsini wahidah*”. Dikatakan tidak terdapat perbezaan antara keduanya kerana memiliki darjat atau tingkat kemanusiaan yang sama (Muhammad Rasyid Ridla, 1367H). Begitu juga dengan Quraish Sihab (1996) yang berpendapat bahawa pemahaman yang cenderung mengatakan Hawa diciptakan dari sebahagian Adam adalah Israiliyat.

Penciptaan Adam sebagai manusia pertama dan pasangannya Hawa sebagai manusia kedua juga menunjukkan bahawa Allah menjadikan lelaki dan perempuan untuk berpasangan. Perspektif gender dalam al-Quran bukan sahaja menunjukkan hubungan keserasian antara lelaki dan perempuan, tetapi lebih dari itu (Sarifa Suhra, 2013). Antaranya konsep berpasangan (*azwāj*) yang disebut dalam al-Quran bukan sahaja kepada manusia, bahkan juga kepada binatang seperti dalam surah asy-Syura ayat 11:

فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا يَذُرُّكُمْ فِيهِ

Terjemahan: “Dia lah yang menciptakan langit dan bumi; Ia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan menjadikan dari jenis binatang-binatang ternak pasangan-pasangan (bagi bintang-binatang itu); dengan jalan yang demikian dikembangkannya (zuriat keturunan) kamu semua.”

Menurut Nasaruddin Umar (2003) tiada istilah khas tentang gender di dalam al-Quran, namun terdapat beberapa perkataan yang menggambarkan istilah gender seperti *ar-rajul* dan *an-nisā'*. Selain itu terdapat juga istilah lain yang mengungkap sesuatu tuntutan (khitab) yang sering menggunakan bentuk mudhakkar (lelaki). Walaubagaimanapun, penggunaan istilah-istilah tersebut di dalam al-Quran bukanlah membawa maksud mempunyai ciri-ciri bias atau ketidakadilan tentang gender tetapi penggunaan mudhakkar dalam sesuatu khitāb adalah merangkumi lelaki dan perempuan kecuali ada sebab lain yang mengkhususkannya.

Al-Quran telah menyebut beberapa istilah yang berkaitan dengan gender seperti istilah *ar-rijal*, *az-zawj*, *adz-dzakar* dan *al-mar'u* atau *al-imru'u* yang digambarkan sebagai lelaki, anak lelaki, suami, ketua, pemimpin dan juga para nabi. Istilah bagi menggambarkan perempuan, anak perempuan dan isteri termasuklah isteri nabi ialah *an-nisā'*, *al-unthsā'* dan *imraatun*. Al-Quran juga menggambarkan sifat dan ciri-ciri jantina melalui pelbagai istilah tersebut sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Lail* ayat 3-4:

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ

Terjemahan: “Demi penciptaan lelaki dan perempuan, sungguh usahamu memang berbeza.”

ISTILAH-ISTILAH GENDER DALAM AL-QURAN

1. Istilah Lelaki Dalam Al-Quran

a) *Ar-Rijal*

Menurut Zaitunah Subhan (2015), Al-Qur'an menyebut perkataan رجل dalam pelbagai bentuk dan diulang sebanyak 73 kali. Kata *ar-rajul* dijamakkan menjadi *ar-rijal* yang bererti lelaki dan terdapat 55 kali di dalam Al-Quran iaitu 24 kali dalam bentuk *mufrad* (tunggal), 5 kali dalam bentuk *muthanna* (makna dua), dan 26 kali dalam bentuk *jama'* (banyak). Daripada 55 perkataan tersebut, ianya dapat dikategorikan dalam tujuh kategori berdasarkan kumpulan maknanya iaitu:

Bil	Surah dan ayat	Perkataan	Kategori Definisi
1	<i>Al-Baqarah</i> : 228 <i>Al-Baqarah</i> : 282 <i>An-nisā'</i> : 32	رَجَالِكُمْ رَجُلَيْنِ فَرَجُلٍ لِّلرِّجَالِ	Jenis kelamin lelaki
2	<i>Al-A'raf</i> : 46 <i>Al-Ahzab</i> : 23	رَجَالٌ	Manusia lelaki dan perempuan
3	<i>Yassin</i> : 20 <i>Al-A'raf</i> : 48 dan 155 <i>Al-Kahfi</i> : 32 dan 37 <i>Al-Qashash</i> : 15 <i>Al-Jin</i> : 6 <i>Al-Ahzab</i> : 23 dan 40 <i>An-Nahl</i> : 76	رَجُلٌ رَجَالًا رَجُلًا رَجُلَيْنِ رَجَالٌ رَجَالِكُمْ	Tokoh masyarakat
4	<i>Al-Anbiya'</i> : 7 <i>Saba</i> : 7	رَجَالًا رَجُلٍ	Nabi atau Rasul
5	<i>Az-Zumar</i> : 29 <i>An-Nisā'</i> : 1 <i>An-Naml</i> : 55	رَجُلًا تَرَجُلٍ رَجَالًا	Budak lelaki
6	<i>Al-Baqarah</i> : 282	الرِّجَالِ رَجَالِكُمْ رَجُلَيْنِ فَرَجُلٍ	Lelaki muslim merdeka dan akil baligh
7	<i>An-Nisā'</i> : ayat 34	الرِّجَالِ	Kekuatan dan kekuasaan lelaki

Perkataan *ar-rijal* ialah jamak dari perkataan *ar-rajul* yang diambil dari kata asal ر ج ل lalu terbentuk beberapa perkataan seperti رجله رجلان yang bermaksud الصان الرجله melukai kakinya. Perkataan رجل الشاه yang bermaksud برجليها علقها mengikat kedua kaki kambing (Ibrahim Anis, 1980). Selain itu, perkataan *ar-rijlah* juga disebut '*al-baqālah al-hamqā'*, kerana sayuran itu hanya terdapat pada tempat laluan air. Manakala satu kaum mengatakan, "kata *ar-rijalu* memberi maksud sayuran yang terdapat pada tempat laluan air yang mana *mufrad* nya ialah *rijlah*" (Abu Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariya, 1994). Manakala kalimah الفارس الراجحلاف maksudnya pejalan kaki dan bukan penunggang kuda, sebagaimana yang terdapat dalam Al-Qur'an (Ibrahim Anis, 1980).

Manakala dalam Kamus Kontekstual Lengkap Al-Khalil (2013) perkataan *rijalun* bermaksud lelaki hebat, *rijalat* bermaksud tokoh atau bangsawan dan perkataan *ar-rujul jamak nya rijalun* yang bermaksud lelaki yang baligh sebagaimana dalam surat *al-Baqarah* ayat 28. Dalam Tafsir Jalalayn (2017) pula perkataan "*rajulaini farajulum*" di dalam ayat tersebut ditafsirkan sebagai laki-laki muslim, merdeka dan akil baligh. Manakala menurut Nasaruddin Umar (1999),

kata *al-rajul* adalah dalam kategori *adz-dzakar* tetapi tidak semua *adz-dzakar* termasuk di dalam kategori *ar-rajul*. Kategori *ar-rajul* memerlukan ciri-ciri tertentu yang bukan hanya menunjukkan jenis kelamin, tetapi juga budaya tertentu dalam menunjukkan sifat-sifat kejantanan (*masculinity*). Oleh sebab itu, dalam tradisi bahasa Arab perempuan yang memiliki sifat-sifat kejantanan disebut *rijlah* iaitu perempuan dianggap lelaki sekiranya menyerupai laki-ciri-ciri-ciri atau sifat lelaki dalam setiap hal.

Kata *rajulun* juga dikaitkan dengan hal-hal yang menunjukkan kekuatan dan kekuasaan lelaki. Ini kerana lelaki di kurniakan kelebihan-kelebihan tertentu berbanding perempuan seperti melindungi dan mencari nafkah untuk keluarga sebagaimana yang disebut dalam surah *an-Nisa'* ayat 34. Sayyid Qutb (1995) mentafsirkan ayat ini dengan mengaitkan kekuatan lelaki dengan fitrah keadilan kaum lelaki yang dikurniakan dengan beberapa kelebihan seperti penyabar, berfikir secara mendalam sebelum bertindak, kekuatan fizikal dan mampu menanggung sebarang bentuk tekanan-tekanan dari keluarga atau masyarakat luar. Ini adalah ciri-ciri penting yang perlu ada pada seorang pemimpin khususnya dalam membuat keputusan yang rasional sama ada diperingkat kepimpinan ahli-ahli keluarga, masyarakat dan negara.

Berdasarkan surah *an-Nisa'* ayat 34 juga, dapat diuraikan bahawa dengan kelebihan fitrah lelaki yang dikurniakan Allah menjadikan mereka mempunyai tanggungjawab sebagai suami dengan membeikan nafkah dan memimpin isteri dan anak-anak. Maka dengan pemberian nafkah tersebut, isteri perlulah ada sifat setia, memberi komitmen kepada keluarga dan bersifat *qanaah* iaitu selalu merasa cukup dan bersyukur dengan apa yang diberikan oleh suami (Fatimah Zuhrah, 2013).

Muhammad Abduh dan Rashid Ridla (1954) juga mentafsirkan darjat lelaki adalah sesuai dengan fitrah yang dikurniakan, oleh itu perempuan haruslah rela dan menerima kepemimpinan lelaki ke atas diri mereka oleh kerana pemberian nafkah dan mahar kepada mereka. Lelaki juga dipertanggungjawabkan menjadi pemimpin kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Selain itu, perbezaan kata *ar-rajul* dan *adz-dzakar* jelas disebut dalam surah *al-An'am* ayat 9 yang menekankan aspek maskuliniti dan sifat kejantanan seseorang. Perkataan *rajulan* ini tidak merujuk kepada jenis kelamin tetapi lebih kepada sifat kekelakuan kerana malaikat tidak berjantina (Muhandis Azzuhri, 2009). Sebagaimana firman Allah:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ مَلَكًا لَجَعَلْنَاهُ رَجُلًا وَلَلَبَسْنَا عَلَيْهِم مَّا يَلْبَسُونَ ۙ

Terjemahan: “Dan kalau (Rasul) itu Kami jadikan malaikat, tentulah Kami jadikan dia berupa seorang lelaki (supaya mereka dapat melihatnya), dan tentulah Kami (dengan yang demikian) menyebabkan mereka kesamaran sebagaimana mereka sengaja membuat-buat kesamaran (tentang kebenaran Nabi Muhammad s.a.w).

b) *Adz-Dzakar*

Perkataan *adz-dzakar* di ulang sebanyak 18 kali dalam al-Quran. Setelah diteliti ada dua ayat yang membawa maksud binatang, selebihnya membawa maksud lelaki. Menurut kamus *al-Maqayis fi al-Lughah* (1994) perkataan *dzakar* berasal daripada perkataan *رَكَ* yang bermaksud “ingat” lawan kepada “lupa”, seperti istilah *ذكرت الشيء* yang bermaksud (aku telah mengingatkan sesuatu). Kamus al-Khalil (2013) mendefinisikan perkataan *adz-zakaru* bermaksud lelaki, zakar, kuat dan kukuh dan kata *al-muzakkaru* bermaksud lelaki atau jantan. Maksud *adz-dzakar* boleh dikategorikan kepada dua iaitu:

Bil	Surah dan Ayat	Perkataan	Kategori Definisi
1	<i>Ali Imran</i> : 36	الذَّكَرُ	Lelaki berdasarkan faktor biologi
2	<i>An-nisā'</i> : 11	لِلذَّكَرِ	Kadar pembahagian harta pusaka yang telah ditetapkan kepada lelaki

Sebagai contoh dalam surah *an-Nisā'* ayat 11 yang menegaskan dua jenis kelamin iaitu lelaki dan perempuan berhak mendapat sebahagian harta pusaka mengikut kadar tertentu yang telah ditetapkan. Menurut Hamka (1987) dan Quraish Shihab, (2000), ayat ini merupakan penegasan Allah bahawa perempuan diberikan hak atau bahagian seperti lelaki dan tidak boleh diperlakukan seperti zaman Jahiliyah. Ianya diturunkan berdasarkan sejarah sosial yang berkembang pada masa tersebut iaitu kaum perempuan tidak mempunyai apa-apa hak ke atas apa-apa pun. Justeru, ayat ini memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa perempuan seperti juga lelaki berhak mempunyai harta melalui warisan. Selain itu, jumlah hak lelaki melebihi dari jumlah perempuan kerana Islam menuntut lelaki memberikan mas kahwin dan nafkah kepada perempuan dan keluarga (Syafiq Hasyim, 2001). Ini dapat dilihat bahawa Islam menekankan pembahagian harta pusaka dengan adil berdasarkan aspek sosial budaya dan peranan gender.

c) *Al-Zauj*

Kata *al-zauj* adalah perkataan dasar yang disebut sebanyak 81 kali dalam 43 surah Al-Quran di dalam pelbagai bentuk, dan juga makna seperti mengumpulkan, menyertakan mencampuri, berkeluarga dan sepasang sandal. Manakala di dalam kitab-kitab *fiqh*, isteri pula disebut *zawjah* dan suami disebut *zauj* ('Alami Zadah Faydullah Bin Musa al-Hasani al-Maqdisi, 2012). Daripada kata asalnya membawa maksud pasangan, suami ataupun isteri. Kata *zauj* bagi lelaki ialah suami dan *zawjah* bagi perempuan ialah isteri digunakan oleh sebahagian kabilah Arab tetapi di kabilah Quraisy tidak membezakan antara kedua istilah ini (Tim Penafsir Kementerian Agama RI, 2010).

Menurut Muhandis Azzuhri (2009) maksud *al-zauj* dalam Al-Quran boleh didefinisikan dalam beberapa kumpulan iaitu:

Bil	Surah dan Ayat	Perkataan	Kategori Definisi
1	<i>An-nisā'</i> : 1	زَوَّجَهَا	Pasangan genetik dari jenis manusia
2	<i>As-Syura</i> : 11	أَزْوَاجًا	Pasangan genetik dunia fauna (haiwan)
3	<i>Al-Qaf</i> : 7	زَوْجٌ	Pasangan genetik dunia flora (tumbuhan)
4	<i>Adz-Dzariyat</i> : 49 <i>Al-Ahzab</i> : 37	زَوْجَيْنِ	Saling berpasangan
5	<i>Al-Baqarah</i> : 35	وَزَوْجِكَ	Pasangan suami isteri

Dalam konteks interaksi ayat-ayat yang mengandungi kata *az-zauj* ini adalah mengenai semua makhluk ciptaan Allah seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Semua makhluk tersebut secara fitrahnya melalui hubungan secara berpasangan iaitu timbal balik, bekerjasama dan saling melengkapi demi kelangsungan hidup dan proses penyambungan generasi.

d) Al-Imru'u/al-mar'u

Perkataan *al-imru'u/al-mar'u* dapat dijumpai sebanyak 11 kali di dalam Al-Quran yang membawa maksud seorang lelaki atau seseorang (Ibrahim Madkur, 1988). Perkataan *al-imru'u/al-mar'u* berasal dari perkataan اِمْرٌ bermaksud baik, bermanfaat, dan lazat. Perkataan *mar'un, mar'atun, imru'u*, dan juga *imra'atun* berasal daripada perkataan yang sama, iaitu اِمْرٌ. *Al-mar'u* dan juga *imru'un* bermaksud lelaki ataupun seseorang (lelaki mahupun perempuan) manakala perkataan *mar'ah* dan *imra'ah* bermaksud perempuan (Ahmad Warson Munawwir 1997).

Kata *al-mar'ah* berpasangan dengan *al-mar'u* difahami membawa erti nyaman dan kesegaran. Kedua kata tersebut menggunakan kata dasar yang sama, hanya tambahan *ta marbuthah* yang membezakannya menjadi perempuan. Jika dilihat secara tersirat, kedua-dua kata ini memberi konotasi fungsi lelaki dan perempuan yang saling memberi kebahagiaan dan kegembiraan antara satu sama lain (Zaitunah Subhan, 2015).

Penggunaan kata *al-amr'* dalam al-Quran juga membawa makna manusia atau seseorang iaitu lelaki atau perempuan sepertimana berikut:

Bil	Surah dan Ayat	Perkataan	Kategori Definisi
1	<i>'Abasa</i> : 34- 35	الْمَرْءُ	Saudara
2	<i>At-Thur</i> : 21	أَمْرِي	Seseorang manusia

2. Istilah Perempuan dalam Al-Quran

a) An-Nisā'

Perkataan *An-nisā'* menurut bahasa berasal dari perkataan *nasia* (نَسِيَ) yang mempunyai dua maksud iaitu melupakan sesuatu dan juga meninggalkan sesuatu (Abu Husayn Ahmad, 1994). Sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah dalam surah *at-Taubah* ayat 67:

نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ

Terjemahan: “Mereka melupakan Allah, maka Allah melupakan mereka”.

Dalam Kamus al-Khalil (2013) perkataan *an-nisā'* membawa dua maksud iaitu yang pelupa dan golongan perempuan. Ianya didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti bentuk dan bermaksud perempuan dewasa yang sudah matang. Dalam Mu'jam Al Mu'jam Al Mufahras Li Alfazh Al Quran (1994) menyenaraikan perkataan ini sebanyak 55 ayat dan terulang sebanyak 59 kali dalam Al-Qur'an dengan beberapa maksud golongan perempuan yang mempunyai status berbeza antaranya ialah:

Bil	Surah dan Ayat	Perkataan	Status perempuan
1	<i>An-Nisā'</i> : 7	لِّلنِّسَاءِ	Perempuan secara umum
2	<i>An-Nisā'</i> : 24	النِّسَاءِ	Perempuan yang sudah berkahwin dan berkeluarga
3	<i>Al-Ahzab</i> : 52	النِّسَاءِ	Janda Nabi
4	<i>An-Nisā'</i> : 22	النِّسَاءِ	Perempuan mantan isteri bapa
5	<i>Al-Baqarah</i> : 231-232	النِّسَاءِ	Perempuan yang di talak
6	<i>Al-Baqarah</i> :223	نِسَائِكُمْ	Isteri secara umum
7	<i>Al-Mujadilah</i> : 2-3	نِسَائِهِمْ	Isteri yang di zihar

Nasaruddin Umar (1999) menegaskan bahawa hampir kesemua perkataan *an-nisā* dalam al-Quran membawa erti isteri dan tidak pernah digunakan untuk menggambarkan kanak-kanak perempuan, sebagaimana dalam dalam surah *al-Baqarah* ayat 223 yang menggambarkan isteri-isteri.

b) *Al-Unthsā*

Perkataan *al-unthsā* diambil daripada perkataan asal *انثا* yang bermaksud lembut, lunak dan halus. Perkataan *al-unthsā* iaitu perempuan yang merupakan lawan kepada perkataan *adz-dzakar* iaitu lelaki yang merujuk kepada sama ada binatang, tumbuh-tumbuhan ataupun manusia (Munir al-Ba'albaki', 1999). Perkataan *adz-dzakar* dan *al-unthsā* digunakan untuk jenis manusia, binatang, dan juga tumbuhan, manakala perkataan *ar-rajul*, *an-nisā* dan juga *al-mar'ah* pula digunakan untuk manusia di dalam al-Quran (Ibrahim Madkur, 1988). Secara literal, perkataan *unthsā* bermaksud lembut dan maksud ini memberi kesan fizikal dan psikologi kepada perempuan secara tersirat (Abu Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariya, 1994). Dalam al-Quran, perkataan *unthsā* beserta dengan jenis-jenisnya didapati berulang sebanyak 30 kali yang mana semuanya bermaksud jenis kelamin perempuan.

Kebanyakan kata *unthsā* berpasangan dengan kata *dzakar* dalam kebanyakan ayat-ayat di dalam al-Quran sepertimana dalam surah *al-Hujuraat* ayat 13:

.....يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Terjemahan: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan

Ayat ini menerangkan bahawa Allah telah menciptakan manusia dari diri yang satu dan darinya Allah menciptakan isterinya, iaitu Adam dan Hawa, kemudian Dia menjadikan mereka berbangsa-bangsa. Pengertian bangsa dalam bahasa Arab adalah *syabun* yang artinya lebih besar daripada kabilah, sesudah kabilah terdapat tingkatan-tingkatan lainnya yang lebih kecil seperti *fasa-il* (puak), *'asya-ir* (Bani), *'ama-ir*, *Afkhad*, dan sebagainya. Semua kejadian manusia berasal dari tanah liat yang bermula dengan Adam dan Hawa. Perbezaan antara manusia hanyalah perkara agama iaitu ketaatan kepada Allah dan Rasul. Kerana itulah dilarang perbuatan menghina orang lain kerana manusia mempunyai martabat yang sama (Tafsir Ibnu Katsir, 2015).

Begitu juga dengan kata mukmin dan musyrikin (lelaki) serta mukminat dan musyrikat (perempuan) didatangkan dengan bergandingan sebagaimana dalam surah *al-Ahzaab* ayat 73:

لِيُعَذِّبَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ وَيَتُوبَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ٧٣

Terjemahan: "(Dengan kesanggupan manusia memikul amanah itu maka) akibatnya Allah akan menyiksa orang-orang lelaki yang munafik serta orang-orang perempuan yang munafik, dan orang-orang lelaki yang musyrik serta orang-orang perempuan yang musyrik; dan juga Allah akan menerima taubat orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman. Dan sememangnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Al-Jalalyn (2007) mentafsirkan ayat ini bahawa Allah mengazab lelaki dan perempuan munafik, dan penyembah berhala kerana mensia-siakan amanah Allah dan sehingga Allah menerima taubat orang-orang mukmin iaitu lelaki atau perempuan yang menunaikan amanahnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun kepada orang-orang Mukmin lagi Maha Penyayang kepada mereka.

Kata *unthsā* dan *dzakar* serta kata lain seperti mukminin dan mukminat disebut secara bergandingan di dalam al-Quran untuk menunjukkan dua gender ciptaan Allah yang mempunyai perbezaan tetapi saling melengkapi. Namun, masing-masing mempunyai tanggungjawab terhadap amanah Allah iaitu agama yang perlu dipelihara.

c) *Imraatun*

Perkataan *imraatun* dimaksudkan sebagai perempuan, kata *imraah* atau *imraatun* disebut sebanyak 26 kali di dalam al-Qur'an, 4 kali dimaksudkan sebagai seorang perempuan dan 22 kali dimaksudkan sebagai isteri. Seperti dalam surah *an-Naml* ayat 23 yang bermaksud perempuan:

إِنِّي وَجَدْتُ امْرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ٢٣

Terjemahan: "Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan memerintah mereka dan ia telah diberikan kepadanya (serba sedikit) dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan) dan ia pula mempunyai singgahsana yang besar."

Al-Jalalyn (2007), mentafsirkan ayat ini bahawa perempuan yang memerintah itu adalah ratu Balqis yang diberikan segala kelebihan yang diperlukan oleh raja-raja untuk memerintah seperti takhta yang besar yang bertatahkan permata, mutiara, emas dan perak.

Al-Quran telah memperakui kewujudan dan kejadian ciptaan Allah terhadap dua gender utama iaitu lelaki dan perempuan. Istilah-istilah yang digunakan dalam al-Quran ini sudah menggambarkan peranan gender dalam kehidupan sosial dan masyarakat. Prinsip al-Quran tidak membezakan gender terutama tentang hak, kedudukan dan status lelaki

atau perempuan, ini kerana ukuran kemuliaan seseorang terletak pada ketakwaan, kepatuhan kepada Allah dan bukannya pada jantina dan kekuasaan.

Istilah-istilah yang dibincangkan ini menunjukkan perbezaan antara lelaki dan perempuan yang tidak ada kaitan dengan biologi (kejadian asal) tetapi berkaitan dengan sosial budaya atau pembentukan sosial yang berkaitan dengan gender (Nasaruddin Umar, 2001). Oleh itu istilah *gender* adalah berkaitan dengan perbezaan lelaki dan perempuan yang berasaskan sosio-budaya dan bukannya biologi fisiologi (Syirin Syukri, 2002). Manakala untuk menunjukkan perbezaan lelaki dan perempuan dari aspek biologi, Al-Quran dengan jelas menggunakan istilah *adz-dzakar* bagi lelaki dan *al-unthsā* bagi perempuan. *Adz-dzakar* dari sudut Bahasa Arab sifatnya keras dan kasar manakala *al-untha* berkait rapat dengan perkataan *al-maraah*, *an-nisā*, *al-niswan* dan *al-nuswan* yang sifatnya lemah (Ibn Manzur, t.t).

KESIMPULAN

Penciptaan lelaki dan perempuan walaupun berbeza namun saling melengkapi antara satu sama lain kerana tujuan penciptaan dan peranannya adalah sebagai khalifah Allah. Perbezaan dalam tingkah laku antara lelaki dan wanita, selain disebabkan oleh faktor biologi iaitu jenis kelamin atau seks, sebahagian besarnya terbentuk melalui proses sosial dan budaya. Gender boleh berubah dari satu tempat ke satu tempat, dari semasa ke semasa, bahkan antara kelas sosio ekonomi masyarakat dan juga antara budaya. Namun begitu, perbezaan penciptaan antara lelaki dan perempuan dari segi jasmani dan rohani adalah untuk memberi keseimbangan dalam kehidupan manusia dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Kepelbagaian jantina ini juga merupakan kekuatan dan bukan kelemahan sekiranya ditangani dengan kebijaksanaan dan memanfaatkan kelainan yang sedia wujud. Ini jelas disebut di dalam al-Quran tentang perbezaan biologi, hubungan, peranan, tanggungjawab dan fungsi sosial lelaki dan perempuan berdasarkan perkataan-perkataan yang muncul di dalam al-Quran yang merujuk kepada dua jantina tersebut iaitu *zakara*, *zauj*, *mar'u*, *imru'u*, *al-unthsā*, *rijal*, *an-nisā*, *al-unthsā* dan *imra'atun*.

Menurut perspektif Barat, konsep gender adalah tertakluk kepada adat, budaya, kehendak, persepsi masyarakat dan juga proses sosialisasi yang berlaku dalam kehidupan setiap individu. Namun Islam melihat gender ini dengan lebih mendalam dengan memberi aturan yang terperinci tentang konsepnya. Gender menurut perspektif Islam boleh ditafsirkan sebagai sifat, ciri, peranan dan tanggungjawab mengikut jantina kepada Allah, keluarga dan masyarakat. Ini kerana Islam menjaga status, hak-hak, kedudukan dan juga kesaksamaan jantina dalam setiap aspek kehidupan.

Oleh yang demikian, berdasarkan hemat penyelidik, gender dalam Islam adalah ciri atau sifat kejantinaan yang dipertanggungjawabkan kepada setiap hambaNya supaya berlaku keseimbangan dalam menjalankan fungsi masing-masing sebagai khalifah Allah. Ciri-ciri, fungsi, sifat kejantinaan dan peranan gender seharusnya didasari kepada fahaman agama, budaya, adat dan nilai masyarakat. Manakala perbezaan fungsi dan peranan kejantinaan masing-masing menjadikan kehidupan lebih harmoni dan seimbang.

RUJUKAN

- Alami Zadah Faydullah Bin Musa al-Hasani al-Maqdisi. (2012). Kamus Fathur Rakhman, hlm. 339. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Abu Abdullah Hanafi Haji Dollah. (2013). Kamus Kontekstual Lengkap Alkhalil. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah AlKhalil.
- Abu Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariya. (1994). Mu'jam al-Maqayis fi al-Lughah, hlm. 444. Beirut : Dar al Fikr.
- Ahmad Warson Munawwir. (1997). Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia, cet. IV, hlm. 1322. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Al-Quran Al-Karim (Al-Haramain) (2017). Selangor : Karya Bestari Sdn. Bhd. .
- Elizabeth Anne Castelli & Rosamond C. Rodman. (2001). Women, Gender, Religion: A Reader, hlm. 51-52. New York : Palgrave Macmillan.
- Fatimah Zuhrah. (2013). Relasi suami dan isteri dalam keluarga Muslim menurut konsep Al-Quran . *Analytica Islamica*, vol. 2, no. 1, 177 - 192.
- Haji Abdullah Malik Abdul Karim Amrullah. (1987). Tafsir al- Azhar, juz 4, hlm. 278. Jakarta: Panjimas.
- Ibrahim Anis. (1980). Al-Mu'jam al-Wasith, jil. 1. hlm. 332. Kairo : Majma' al-Lughah al-Arabiyah .
- Ibrahim Madkur. (1988). Mu'jam Alfāzh al-Qur'an al-Karīm: Majma'al-Lughah al-Arabiyah al-Idariyah al-Āmmah li al-Mu'jamat wa Ihya at-Turats. Kairo .
- Mansour Fakih. (2007). Analisis Gender dan Transformasi Sosial, cet. 2. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Mansour Faqih. (1996). Analisis Gender dan Transformasi Sosial, hlm. 8. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Maslamah & Suprapti Muzani. (2014). Konsep-konsep tentang gender perspektif Islam. *Sawwa*, vol 9, no. 2, 275 - 286.
- Muhammad Abduh & Rasid Ridla. (1954). Tafsir al Manar, jil. V. Mesir : Dar al-Manar.
- Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. (1994). Mu'jam al-Mufahras Li al-fāz al-Qur'ān . Beirut: Dār al-Fikr.
- Muhammad Quraish Shihab. (1996). Wawasan Al-Qur'an: Tafsir Maudu'i Atas Berbagai Persoalan Umat, hlm. 302. Bandung: Penerbit Mizan.
- Muhammad Quraish Shihab. (2000). Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran, vol. 2, hlm. 344. Jakarta: Lintera Hati.
- Muhammad Rasyid Ridla. (1367H). Tafsir Almanar, jil. IV. Kairo: Dar Al-Manar.
- Muhandis Azzuhri. (2009). Ayat-ayat bias gender dalam surat an-Nisa'. *Jurnal Studi Gender & Anak* , 52-70.

- Munir al-Ba'albaki'. (1999). *al-Mawrid*, cet. 33, hlm. 383. Bayrut: Dar al 'Ilm li al-Malayin .
- Nasaruddin Umar. (1999). *Argumen Kesetaraan Gender: Perspektif Al-Quran*, hlm. 143 - 193. Jakarta: Paramadina.
- Nasaruddin Umar. (2001). *Argumen Kesetaraan Jender Perspektif al-Qur'an*, hlm. 144. Jakarta: Paramadina.
- Nasaruddin Umar. (2003). *Teologi Jender: Antara Mitos dan Teks Kitab Suci*. Jakarta Timur: Pustaka Cicero.
- Noresah Baharom. (2005). *Kamus Dewan ed. ke 4*, hlm. 457. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Riant Nugroho. (2005). *Gender dan Strategi Pengarus-Utamaannya di Indonesia*, hlm. 3. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Sarifa Suhra. (2013). Kesetaraan gender dalam perspektif Al-Quran dan implikasinya terhadap hukum Islam . *Jurnal Al-Ulum*, vol. 13, no. 2, 373-394.
- Sayyid Qutb. (1995). *Fi zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Skeat, W. W. (1993). *The Concise Dictionary of English Etymology*, hlm. 173. Hertfordshire, United Kingdom: Wordsworth Editions.
- Syafiq Hasyim. (2001). Hal-hal yang tak Terpikirkan tentang Isu-Isu Keperempuanan, hlm. 236. Bandung : Mizan .
- Syahril Jamil. (2013). Pemahaman teks tentang perempuan dalam Islam . *Nurani*, vol. 13, no. 2, , 99-108.
- Syirin Syukri. (2002). *Al-Mar'ah wa al-Jendar fi al-Watn al-'Arabi*. In U. A. Syukri, *Al-Mar'ah wa al-Jendar: Ilgha' al-Tamyiz al-Thaqafi wa al-Ijtima'i bayn al-Jinsayn*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Tafsir al-Jalalayn. (2017). Retrieved from The Tafsirs: www.altafsir.com
- Tafsir Ibnu Katsir. (9 Mei, 2015). Retrieved from *Terjemah Al Qur'an, Tafsir Al Qur'an, Ilmu Al Qur'an, Software Al Qur'an, Ebook Al Qur'an, Tilawah Al Qur'an, Murattal Al Qur'an*: www.ibnukatsironline.com
- Tim Penafsir Kementerian Agama RI. (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya Kementerian Agama RI tahun 2010*, hlm. 194. Jakarta: Kemenag RI.
- Umaymah Abu Bakr & Shirin Shukri . (2002). *Al-Mar'ah wa al-Jindar: Ilgha' al-Tamyiz al-Thaqafi wa al-Ijtima'i bayn al-Jinsayn* . Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Zaitunah Subhan. (2015). *Konsep Gender Dalam Al-Quran: Menuju Kesetaraan Gender dalam Penafsiran*, hlm. 15. Jakarta: Prenadamedia Group.